



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHA DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEURSHIP AND COOPERATIONS

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
(AGANSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHA DAN KOPERASI)



PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Setiausaha Pejabat
Gred Jawatan	:	N5
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan
Jadual Gaji	:	RM1,650.00 – RM6,620.00
Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) (i) Diploma dalam bidang Sains Kesetiausahaan atau Pengurusan dan Teknologi Pejabat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N5: RM1,893.00)

SYARAT KELAYAKAN PELANTIKAN KE SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan	:	KONTRAK
Fungsi Bidang Tugas	:	Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.
Tarikh Tutup Permohonan	:	09 OGOS 2026 (AHAD)